



20 MAY, 2021

Tribunal khas jamin SPRM bebas, telus

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 1 of 2

Tribunal khas jamin SPRM bebas, telus

PUTRAJAYA: Sebuah tribunal khas bakal dibentuk sebagai inisiatif sekiranya penyandang Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu dipecat segera.

Perkara itu antara usaha yang akan dilaksanakan kerajaan Malaysia dalam usaha reformasi agensi tersebut agar sejajar dengan resolusi Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) pada 2005.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki berkata, kewujudan tribunal khusus itu amat penting bagi memastikan kebebasan dan ketelusan institusi berkenaan daripada tekanan luar.

"SPRM bersedia mencapai hasrat digariskan Konvensyen PBB Memerangi Korupsi (UNCAC) dan juga selaras Kenyataan Jakarta terhadap Agensi

Pencegahan Rasuah 2012," katanya ketika menyampaikan ucapan tama secara maya serta pembentangan Laporan Andalan Sejagat bagi Rantau Asia Timur dan Pasifik, Bank Dunia di sini, semalam.

Mengulas lanjut, beliau menambah, menerusi reformasi yang dirangka kerajaan, sebarang pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM juga perlu melalui proses Perlembagaan Persekutuan.

Langkah berkenaan, ujarnya, demi memastikan tahap keselamatan bakal penyandang dan kewibawaan bekas penyandang sentiasa terpelihara daripada elemen campur tangan asing.

"Turut dirancang adalah pembentukan sebuah suruhanjaya tersendiri bagi membolehkan SPRM bebas untuk terus

**AZAM BAKI**

melantik, menukar atau memecat mana-mana pegawainya," tegas beliau.

Sementara itu, Azam turut memaklumkan bahawa SPRM

sehingga 31 Disember tahun lalu menyempurnakan 29 daripada 115 inisiatif manakala baki 86 lagi dalam proses.

"Bagaimanapun kami telah mencapai banyak kejayaan dalam aspek pendakwaan menerusi pelbagai kes berprofil tinggi yang menjadi punca ketirisan peruntukan kerajaan," jelas beliau.

Antaranya, kata beliau, pada 18 Mac lalu apabila julung kali sebuah syarikat didakwa di bawah Seksyen 17A Akta SPRM kerana merasuah pihak ketiga bagi perolehan kontrak.

Begitu juga kejayaan pembongkaran kartel yang memonopoli 354 tender projek kerajaan bernilai RM3.8 bilion pada awal bulan lalu, membuktikan kesungguhan SPRM memerangi rasuah.



20 MAY, 2021

Tribunal khas jamin SPRM bebas, telus

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

PUTRAJAYA: Sebuah tribunal khas bakal dibentuk sebagai inisiatif sekiranya penyandang Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu dipecat segera. Perkara itu antara usaha yang akan dilaksanakan kerajaan Malaysia dalam usaha reformasi agensi tersebut agar sejajar dengan resolusi Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) pada 2005- Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki berkata, kewujudan tribunal khusus itu amat penting bagi memastikan kebebasan dan ketelusan institusi berkenaan daripada tekanan luar.